

18/05/1997

Bumi ini milik Allah, bendang ini milik saya ...

ALKISAHNYA, teman tertarik dengan pelbagai alasan yang digunakan oleh manusia sekarang untuk menghalalkan perbuatan mereka. Cara mudah untuk berbuat demikian, nampaknya dengan menggunakan agama.

Pertama, ada orang ceroboh hutan simpan kekal dan kawasan tadahan dan gunakan agama sebagai cara untuk melepaskan diri daripada tindakan undang-undang. Ini berlaku di Perlis apabila penceroboh kata mereka tidak berhasrat ceroboh tanah kerajaan kerana tanah yang diusahakan itu adalah hak Allah.

Kata mereka, tidak ada tanah kerajaan di muka bumi ini kerana semuanya hak Allah Taala belaka dan mereka berhak mengusahakannya.

Cuma yang peliknya, apabila kawasan bendang dan halaman rumah mereka tidak dianggap milik Allah. Bahkan bendang dan halaman rumah mereka tidak boleh diganggu oleh sesiapa pun.

Demikianlah lahapnya manusia sehingga sanggup menggunakan agama untuk menghalalkan perbuatan mereka.

Kedua, ada orang politik yang janjikan syurga kepada penyokong mereka. Malangnya, ramai percaya kepada janji-janji seperti itu walaupun mereka kata mereka berpegang kepada ajaran al-Quran.

Apakah janji seperti itu tidak memesongkan akidah? Teman tak tahulah sama ada itu rasuah berbentuk agama. Tetapi setahu teman, tak ada rasuah dalam Islam. Dilarang dan ditegah!

Barangkali orang yang berjanji itu penjaga pintu syurga, agaknya. Seperti kata Dr Mahathir: "Orang yang buat janji ini menganggap dirinya berkuasa dalam menentukan siapa yang akan masuk syurga ... barangkali dia 'pendaftar' ke, apa ke di sana, kita pun tak tahulah, yang kita tahu, yang pergi ke sana tak balik nak cerita".

(END)